

## ANALISIS PENDALILAN TEKS *MATN AL-GHĀYAH WA AL-TAQRĪB* BERDASARKAN KITAB *AL-TADHHĪB* KARANGAN MUŞṬAFĀ DĪB AL-BUGHĀ

### *Analyzing Legal Evidence in Matn Al-Ghāyah Wa Al-Taqrīb Based on The Book Of Al-Tadhhīb of Muşṭafā Dīb Al-Bughā*

Mohd Hapiz Mahaiyadin\*  
Azri Bhari\*\*

#### ABSTRACT

*Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb is prominent book in the form of matan that contains the main fatwas of the Syafi'i school with no evidence attached from Islamic legal sources. This study aims to analyze the work of Mustafa Dib al-Bugha entitled al-Tadhīb fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb which annotated with evidences to each legal statement in Matan Abī Syuj`a. This study aims to establish authentic evidences from naqli or aqli sources for each of the statements mentioned. Data collection done through library research and analyzed based on inductive, deductive and comparative methods. The findings of this study conclude that all the statements in the book have strong evidences and arguments with valid sources where authentic hadiths are the main evidence used, in addition to the text of the Qur'an, ijmak and qiyas. Moreover, the legal practices according to the Syafi'i school, especially in the short*

---

\* Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia. [mohdhapiz659@uitm.edu.my](mailto:mohdhapiz659@uitm.edu.my)

\*\* Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia. [azrib178@uitm.edu.my](mailto:azrib178@uitm.edu.my)

*books of fiqh are concluded from Islamic evidence even though it is not mentioned explicitly because the books are produced for ease of learning and also for the public. Furthermore, this book needs to be distinguished from the main books for the purpose of debate among the scholars of the Syafi'i school.*

**Keywords:** *Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb, Evidence, Syafi'i school, Hadis, Fatwa*

## PENDAHULUAN

Penulisan fiqh dalam mazhab Syafie telah melalui proses yang panjang seiring dengan fasa perkembangan mazhab tersebut selepas kematian Imam al-Syafi'i. Semua pengajaran hukum dan fatwa termasuk penulisan Imam al-Syafi'i yang terkini (*al-madhhab al-jadīd*) telah diriwayatkan oleh para muridnya seperti Yusuf ibn Yahya al-Buwayti, Ismail ibn Yahya al-Muzani dan al-Rabi' ibn Sulayman yang menjadi asas kesinambungan penulisan fiqh pada zaman terkemudian.<sup>1</sup>

Mazhab Syafie dianggap memiliki ramai tokoh ulama yang memberikan khidmat penulisan fiqh berbanding mazhab-mazhab lain<sup>2</sup>. Sumbangan penulisan tersebut datang dalam pelbagai bentuk yang terdiri daripada jenis *mukhtaṣarāt* (kitab-kitab ringkas) dan *mabsūṭāt* (kitab-kitab besar) yang merekodkan pelbagai fatwa yang disepakati dan diperselisihkan oleh Imam al-Syafi'i dan *Aṣḥāb al-Wujūh* (para fuqaha Syafi'iyyah muktabar).<sup>3</sup>

Walau bagaimanapun, menurut al-Qawasimi metod penulisan fiqh Syafi'iyyah terkemudian sangat berbeza dengan penulisan Imam al-Syafi'i yang berbentuk pendalilan hukum dan diskusi akademia secara terbuka tanpa terikat dengan sebarang mazhab. Metod penulisan Imam al-Syafi'i memupuk kemahiran fiqh berpandukan kaedah-kaedah

---

<sup>1</sup> `Alī Jum`ah, *al-Madkhal ilā Dirāsāt al-Madhahib al-Fiqhiyyah*, ed. ke-4 (Kaherah: Dār al-Salām, 2012), 67-70.

<sup>2</sup> Akram Yusūf `Umar al-Qawāsīmī, *al-Madkhal ilā Madhhab al-Imām al-Syāfi`ī* (Amman: Dār al-Nafā'is, 2003), 516.

<sup>3</sup> `Alī Jum`ah, 49-50, 52-53.

ijtihadnya. Adapun penulisan fiqh terkemudian hanya menukilkan fatwa dan pencawangan (*tafri'*) hukum yang sesuai digunakan oleh para hakim atau mufti yang bermazhab Syafie sahaja.<sup>4</sup>

Terjadinya perbezaan seperti dinyatakan al-Qawasimi, menurut al-Zarqa bahawa mulai pertengahan kurun ke-7 sehingga kemunculan *Majallah al-Ahkām al-Adliyyah*, metod penulisan fiqh turut terkesan dengan fenomena taqlid sehingga kebanyakan kitab-kitab fiqh berkhidmat sebagai ikhtisar atau syarahan kepada kitab-kitab fuqaha generasi sebelumnya. Daripada situ lahirnya penulisan berbentuk matan dan disusuli dengan syarahan, *hawāsyi* seterusnya *taqrīrāt* yang kesemuanya cuba merungkaikan kerumitan lafaz yang terkandung dalam matan atau ungkapan kitab-kitab terdahulu.<sup>5</sup>

Antara kitab berbentuk matan ialah *Matn Al-Ghāyah wa Al-Taqrīb* atau dikenali sebagai Matan Abu Syuja' yang dijadikan fokus utama kajian ini. Matan tersebut ialah kitab fiqh mazhab Syafie yang terkenal hasil karangan al-Qadhi Abu Syuja'. Kitab ini hanya memuatkan rumusan hukum furuk fiqh mazhab Syafie dalam bentuk matan ringkas dan padat tanpa disertakan dalil sebagai hujah yang menyokongnya. Ringkasan berbentuk matan tanpa dalil seperti ini bukan menjadi satu kekurangan dalam metod penulisan fiqh silam kerana tujuannya ialah untuk memudahkan pengajaran fiqh dihafal dan dipelajari oleh penuntut peringkat permulaan sebagai pintu untuk meneroka ilmu tersebut di peringkat lebih mendalam.

Para pembaca hari ini perlu membezakan objektif sesebuah kitab fiqh yang dihasilkan sama ada untuk wacana dalam kalangan pakar seperti kitab *Nihāyat al-Maṭlab fī Dirāyat al-Madhhab* (Imam al-Haramayn), *al-Hāwī li al-Fatāwā* (Imam al-Mawardi) dan *al-Majmū` Syarḥ al-Muhadhab* (Imam al-Nawawi), atau untuk pembelajaran fiqh seperti *Matn Al-Ghāyah wa Al-Taqrīb* ini bersama syarahannya seperti *al-Iqnā'* (Khatib al-Syirbini), *Kifāyat al-Akhyār* (Taqiy al-Din al-Hisni) dan *Fath al-Qarīb al-Mujīb* (Ibn Qasim al-Ghazzi).

---

<sup>4</sup> Al-Qawāsīmī, 422.

<sup>5</sup> Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā, *al-Madkhal al-Fiqhiy al-`Ām*, ed. ke-4 (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2004), 211-212.

Walaupun demikian, keperluan pembelajaran fiqh pada masa kini sudah berkembang yang menyaksikan para penuntut ilmu semakin berfikiran kritis dan sering berkehendakkan sandaran dalil yang kuat bagi sesuatu kenyataan hukum. Justeru usaha pendalilan hujah daripada sumber yang autentik perlu diperkemaskan semula terhadap pelbagai kitab fiqh Syafie supaya pengajarannya kekal relevan dan diterima oleh masyarakat umum tanpa sebarang keraguan.

Selaras dengan keperluan tersebut, kajian ini menemukan sebuah karya Mustafa Dib al-Bugha iaitu *al-Tadhhīb fī `Adillat Matn Al-Ghāyah wa Al-Taqrīb* telah berjaya melakukan pendalilan terhadap hampir keseluruhan kenyataan hukum dalam teks *al-Ghāyah* Qadhi Abu Syuja'. Maka berdasarkan kitab *al-Tadhhīb*, kajian ini akan menganalisis pendalilan hukum daripada pelbagai sumber iaitu al-Quran, hadis, athar sahabat, ijmak dan juga qiyas yang menjadi usul ijthad dalam mazhab Syafie bagi membuktikan bahawa setiap kenyataan dalam kitab-kitab *mukhtaṣarāt*<sup>6</sup> mazhab ini sentiasa berpandukan sumber hukum yang sahih dan autentik.

## **LATAR BELAKANG KITAB *AL-GHĀYAH WA AL-TAQRĪB* KARYA QADHI ABU SHUJA'**

Kitab *Al-Ghāyah wa Al-Taqrīb* atau lebih dikenali sebagai *Matan* Abu Syuja' adalah kitab fiqh ringkas dalam mazhab Syafie yang telah dikarang oleh al-Qadhi Abu Syuja'. Kitab ini juga disebut sebagai *Ghāyah al-Ikhtiṣār* atau *Mukhtaṣar Abū Syujā'*.

Nama lengkap pengarang kitab ini ialah Syaikh al-'Alim al-'Allaamah al-Imam Syihabud Dunya wa al-Din, Ahmad bin Husain bin Ahmad al-Asfahani al-Syafi'i yang lebih dikenali sebagai al-Qadhi Abu Syuja' atau al-Qadhi Abu Tayyib. Beliau adalah seorang ulama besar dalam mazhab Syafie. Beliau lahir pada tahun 433H dan wafat pada tahun 593H.

---

<sup>6</sup> Kitab-kitab ringkas. Adapun kitab-kitab besar atau lebih tinggi perbahasannya dinamakan sebagai *muṭawwalāt*.

Imam Al-Qadhi Abu Syuja' telah menulis kitab ini atas permintaan para murid dan rakan dengan tujuan agar orang yang belajar ilmu fiqh dapat mengetahui hukum-hakam secara ringkas dan mudah.<sup>7</sup>

Kitab ini membahas ilmu fiqh secara ringkas dan mudah untuk difahami serta ditujukan kepada orang yang baru mulakan pengajian dan masyarakat awam. Kitab ini mengandungi 16 bab iaitu [1] Kitab Thaharah [2] Kitab Solat [3] Kitab Zakat [4] Kitab Puasa [5] Kitab Haji [6] Kitab Jual Beli dan Mu'amalat [7] Kitab Faraid dan Wasiat [8] Kitab Nikah [9] Kitab Jinayat [10] Kitab Hudud [11] Kitab Jihad [12] Kitab Perburuan dan Penyembelihan [13] Kitab Berlumba dan Memanah [14] Kitab Sumpah dan Nazar [15] Kitab Pengadilan dan Persaksian [16] Kitab Pembebasan Hamba.<sup>8</sup> Kitab Matan Abu Syuja' ini telah disyarahkan atau disebut kitab syarah oleh para ulama, antaranya ialah:<sup>9</sup>

- i. *Kifāyat al-Akhyār fī Halli Ghāyat al-Ikhtiṣār* karya Imam Abu Bakar bin Muhammad al-Husaini (829 H / 1426 M)
- ii. *Syarh Mukhtaṣār Abī Syujā'* karya Imam Ahmad Al-Akshashi (889 H / 1484 M).
- iii. *Al-Nihāyat fī Syarh al-Ghāyah* karya Imam Abu Fadhl Waliyuddin al-Busair (972 H).
- iv. *Fath al-Qarīb al-Mujīb* atau *al-Qawl al-Mukhtār fī Syarh Ghāyat al-Ikhtiṣār* karya Syaikh Muhammad bin Qasim al-Ghazziy (918 H / 1512 M).
- v. *Al-Iqnā' fī Hall al-alfāz Abī Syujā'* karya Imam Muhammad bin Muhammad al-Khatib as-Syarbini (977 H / 1570 M).
- vi. *Fath al-Ghaffār bi Kasyfī Muḥabbati Ghāyat al-Ikhtiṣār* karya Syaikh Ahmad bin Qasim ash-Shabbaghi al-'Abbadiy (992 H / 1584 M).

---

<sup>7</sup> Ahmad bin al-Ḥusayn bin Abū Ahmad Abū Syujā' al-Aṣfahānī, *matan Abi Syuja'*, (Mesir: Maktabah al-Jumhūriyyah al-'Arabiyyah, t.t), 2.

<sup>8</sup> *ibid.*, 3-48.

<sup>9</sup> "Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb", diakses pada 5 September 2021, [https://id.wikipedia.org/wiki/Matan\\_Abu\\_Syuja](https://id.wikipedia.org/wiki/Matan_Abu_Syuja).

- vii. *Nazmu Mukhtaṣr Abī Syujā'* karya Syaikh Ahmad bin Isma'il al-Ibisyithiy (883 H / 1489 M).
- viii. *Nihāyat al-Tadrīb fī Nazmi Ghāyat al-Taqrīb* karya Syaikh Yahya bin Abi Khairi (989 H / 1581 M).
- ix. *Al-Kifāyat fī Nazmi al-Ghāyah* karya Syaikh Abu Bakar bin Abdullah bin Abdurrahman Ad-Dimasyqi (928 H / 1522 M).
- x. *Nazmu Mukhtaṣar Abī Syujā'* karya Syaikh Abi Khair Ahmad bin Abdus Salam asy-Syafi'i (931 H / 1525 M).
- xi. *Al-Tadhhib fī `Adillat Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb* karya Syaikh Dr. Musthafa Dib al-Bugha (1398 H).

Seterusnya dari kitab syarah dijadikan pula kitab hasyiah yang dibahaskan lebih terperinci dan mendalam. Kitab syarah *Fath al-Qarīb al-Mujīb* atau *al-Qawl al-Mukhtār fī Syarh Ghāyat al-Ikhtiṣār* karya Syaikh Muhammad bin Qasim al-Ghazziy (918 H / 1512 M) telah dikembangkan lagi perbahasannya kepada:<sup>10</sup>

- i. *Ḥāsyiyat al-Qalyūbiy 'alā Syarh Abī Syujā' li Ibn Qāsim al-Ghazziy* karya Syaikh Ahmad bin Ahmad al-Qalyubiy (1069 H / 1659 M).
- ii. *Ḥāsyiyat 'alā Syarh Abī Syujā' li Ibn Qāsim al-Ghazziy* karya Syaikh Abdil Baar bin Abdullah bin Muhammad Al-Ujhuriy (1070 H / 1660 M).
- iii. *Ḥāsyiyat al-Fawā'id al-'Aziziyyah 'alā Syarh Abī Syujā' li Ibn Qāsim al-Ghazziy* karya Syaikh 'Ali bin Ahmad Al-Aziziy (1070 H / 1660 M).
- iv. *Ḥāsyiyat al-Rahmaniyy 'alā Syarh Abī Syujā' li Ibn Qāsim al-Ghazziy* karya Syaikh Daud bin Sulaiman ar-Rahmaniyy (1078 H / 1667 M).
- v. *Ḥāsyiyat 'alā Syarh Abī Syujā' li Ibn Qāsim al-Ghazziy* karya Syaikh Abu Dhiya' Nuruddin Ali Ibnu 'Ali (1087 H / 1676 M).
- vi. *Ḥāsyiyat al-Birmawiy 'alā Syarh Abī Syujā' li Ibn Qāsim al-Ghazziy* karya Syaikh Ibrahim bin Muhammad bin Khalid al-Birmawiy Al-Azhariy (1106 / 1894 M).

---

<sup>10</sup> *ibid.*

Selain itu, kitab syarah *Al-Iqnā' fī Hall al-alfāz Abī Syujā'* karya Imam Muhammad bin Muhammad al-Khatib as-Syarbini (977 H / 1570 M) telah dikembangkan lagi perbahasannya kepada hawashi berikut:<sup>11</sup>

- i. *Fath al-Laṭīf al-Mujīb bimā yata'allaq bi Kitāb al-Iqnā' al-Khaṭīb* karya Syaikh Abdurrahman al-Ujhuriy (1084 H / 1673 M).
- ii. *Kifāyat al-Habīb fī Halli Syarh Abī Syujā' lil Khaṭīb* karya Syaikh Hasan bin 'Ali bin Ahmad Al-Al-Manthawiy (1170 H / 1756 M).
- iii. *Tuhfat al-Habīb 'alā Syarh al-Khaṭīb* karya Syaikh Sulaiman bin Muhammad bin Umar al-Bujairimiy (1221 H / 1806 M).

Demikianlah kehebatan kitab *Matan Abi Syuja'* yang telah dikembangkan dan dibahasakan secara terperinci oleh para ulama mazhab Syafie untuk menjadi bahan pengajian dan rujukan dalam bidang ilmu fiqh. Bermula dari kitab *matan* dikembangkan lagi menjadi kitab syarah sehinggalah menjadi kitab hasyiah.

## **BIOGRAFI MUSTAFA DIB AL-BUGHA**

Syeikh Dr. Mustafa Dib al-Bugha al-Maidani al-Dimasyqi al-Syafi'i telah dilahirkan pada tahun 1938M di al-Maidan, Damsyik, Syria. Beliau merupakan seorang faqih bermazhab Syafie dan ulama hadis di Syria. Syeikh Dr. Mustafa Dib al-Bugha telah berkahwin dengan empat orang isteri dan salah seorang dari isterinya telah diceraikan. Beliau telah dianugerahkan lapan orang anak.<sup>12</sup>

Pada peringkat awal, pengajian beliau telah dimulakan di Maahad al-Taujih al-Islami yang diasaskan oleh ulama terkenal iaitu Syeikh Hasan al-Habannakah sehingga tahun 1959M. Kemudian beliau

---

<sup>11</sup> *ibid.*

<sup>12</sup> "Mustafa Dib al-Bugha", diakses pada 5 September 2021, [https://ar.wikipedia.org/wiki/%D9%85%D8%B5%D8%B7%D9%81%D9%89\\_%D8%AF%D9%8A%D8%A8\\_%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%BA%D8%A7](https://ar.wikipedia.org/wiki/%D9%85%D8%B5%D8%B7%D9%81%D9%89_%D8%AF%D9%8A%D8%A8_%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%BA%D8%A7)

melanjutkan pengajian di Kuliah Syariah, Universiti Damsyik selama empat tahun sehingga berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1963M. Seterusnya beliau menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di Universiti al-Azhar pada tahun 1974M. Tajuk tesis PhD beliau ialah *Athar al-'Adillat al-Mukhtalif fīhā fī al-Fiqh al-Islamiy*.<sup>13</sup>

Beliau telah menuntut ilmu dari kalangan ulama terkenal antara gurunya ialah: [1] Syeikh Hasan al-Habannakah [2] Syeikh Khairo Yassin [3] Syeikh Hussein Khattab [4] Syeikh Muhammad Kurayyim Rajih [5] Syeikh Mustafa al-Siba'ie [6] Syeikh Muhammad al-Mubarrak [7] Syeikh Mazin al-Mubarrak [8] Syeikh Muhammad Amin al-Misri [9] Syeikh Umar al-Hakim [10] Syeikh Wahbi Sulaiman al-Ghauji al-Albani [11] Syeikh al-Qadhi Muhammad al-Shama' [12] Syeikh Muhammad al-Muntasir al-Kattani [13] Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah [14] Syeikh Muhammad Sa'id al-Khin [15] Syeikh Ahmad Fahmi Abu Sunnah.<sup>14</sup> Dalam bidang penulisan beliau aktif menghasilkan karya antaranya ialah:<sup>15</sup>

- i. *Al-Tadhib fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb*.
- ii. *Uṣūl al-Fiqh: Dirāsah 'Āmmah*.
- iii. *Al-Jawānib al-Tarbawiyah fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh*.
- iv. *Maḍāmīn Tarbawiyah fī al-Fiqh al-Islāmiy*.
- v. *Al-Fiqh al-Manhaji fī al-Fiqh al-Syāfi'i* (penulisan bersama Syeikh Dr. Mustafa al-Khin dan Syeikh Dr. ali al-Syarbaji).
- vi. *Al-Wāḍih fī 'Ulūm al-Qurān* (penulisan bersama Syeikh Muhyiddin Misto).
- vii. *Al-Da'āwā wa al-Bayyināt wa al-Qaḍā'* (Penulisan bersama Syeikh Abdul Karim al-Kurshi).
- viii. *Tashīl al-Masālik bi Syarh wa Tahdhīb 'Umdat al-Sālik wa 'Iddat al-Nāsik*.
- ix. *Al-Hadiyyah al-Marḍiyyah bi Syarh wa Adillat al-Muqaddimah al-Ḥaḍramiyyah*.

---

<sup>13</sup> *ibid.*

<sup>14</sup> *ibid.*

<sup>15</sup> *ibid.*



- x. *Al-Tuḥfat al-Raḍiyyah fī Fiqh al-Sādah al-Mālikiyyah* (Syarah matan al-‘Ashmawiyah).
- xi. *Nizām al-Islām*.
- xii. *Fiqh al-Mu‘āwiḍāt*.
- xiii. *Buḥūth fī ‘Ulūm al-Ḥadīth wa Nuṣūṣuh*.
- xiv. *Buḥūth fī al-Fiqh al-Muqārīn*.
- xv. *Nuzhat al-Muttaqīn fī Syarh Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* (Penulisan bersama Syeikh Dr. Mustafa al-khin, Syeikh Muhyiddin Misto, Syeikh Dr. Ali al-Syarbaji dan Syeikh Muhammad Amin Latifi).
- xvi. *Al-Wāfī fī Syarh al-Arba‘īn al-Nawawiyah*.

Beliau juga telah melakukan tahqiq kitab antaranya ialah:<sup>16</sup>

- i. *Matan al-Raḥabiyyah fī ‘Ilm al-Farā‘id*.
- ii. *Tanwīr al-Masālik bi Syarh wa Adillah ‘Umdat al-Sālik*.
- iii. *Muḥamāt al-Iqrān fī Mubhamāt al-Qurān*.
- iv. *Al-‘Itqān fī ‘Ulūm al-Qurān*.
- v. *Asbāb al-Nuzūl*.
- vi. *Saḥīḥ al-Bukhārī (tahqīq dan ta‘līq)*.
- vii. *Saḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*.
- viii. *Mukhtaṣar Saḥīḥ al-Bukhari*.
- ix. *Mukhtaṣar Saḥīḥ Muslim* karya al-Munziri.
- x. *Mukhtaṣar Sunan Abū Dāwud*.
- xi. *Mukhtaṣar Sunan al-Tirmizī*.
- xii. *Mukhtaṣar Sunan al-Nasā‘ī*.
- xiii. *Mukhtaṣar Sunan Ibn Mājah*.
- xiv. *Muqaddimah Ibn Ṣolāh fī Ulūm al-Ḥadīth*.
- xv. *Al-Taqrīb ‘ilā Kitāb al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb* yang ditahqiq bersama Syeikh Muhammad ‘Asam ‘Arar.

---

<sup>16</sup> *ibid.*

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan buku *Al-Tadhhīb fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb* oleh Dr. Mustafa Dib al-Bugha cetakan al-Ḥaramayn li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi' berpengkalan di Singapura dan Jeddah Arab Saudi. Ia merupakan edisi pertama yang diterbitkan pada tahun 1978 Masehi-1398 Hijrah yang mengandungi sebanyak 285 halaman.

Sebahagian besar metod analisis dalam kajian ini akan berpandukan kaedah-kaedah pendalilan hukum yang digunakan oleh pengarang sendiri iaitu Dr. Mustafa al-Bugha. Penyelidik akan meneliti kompilasi semua dalil dan hujah yang dikemukakan dengan menggariskan beberapa dapatan penting yang akan dibincangkan daripada sudut teknikal seperti taburan penggunaan setiap kategori dalil mengikut peratusannya terutama hadis-hadis daripada pelbagai rujukan seperti Saḥīḥ al-Bukhārī, Saḥīḥ Muslim, kitab-kitab Sunan dan seumpamanya. Dalam menganalisis perbandingan antara rujukan sumber hadis, penulis menyusun nama-nama para pengarang bermula dengan al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī, Abū Dāwud, Ibn Mājah, al-Nasā'ī, al-Muwattā' Imām Mālik, Ahmad, Hākim, al-Dāraqūṭnī, al-Bayhaqī, Ibn Hibbān dan berakhir dengan riwayat al-Syāfi'ī sendiri.

Pendalilan hujah yang akan dianalisis hanya memfokuskan lima bab terawal daripada halaman 7 hingga 122. Lima bab terawal itu ialah *Kitab al-Ṭahārah*, *Kitab al-Ṣalāt*, *Kitab al-Zakāt*, *Kitab al-Ṣiyām* dan *Kitab al-Hajj* yang lazimnya dikategorikan sebagai hukum hakam ibadat. Sememangnya perkara ibadat sentiasa menjadi perbincangan dan perdebatan dalam kalangan masyarakat awam berbanding perkara muamalat, jinayat, jihad dan sebagainya.

Dalam mukadimah bukunya *Al-Tadhhīb fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb*, Dr. Mustafa al-Bugha menjelaskan kitab *Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb* merupakan sebuah kitab fiqh mazhab Syafi'e yang terbaik sebagai rujukan asas kepada para pelajar walaupun ia amat ringkas. *Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb* ini merangkumi semua bab fiqh dan kebanyakan hukum serta permasalahan utama dalam bab ibadat, muamalat dan sebagainya. Sebagai sebuah kitab ringkas, sebagaimana

menjadi kelaziman bagi kitab-kitab fiqh pelbagai mazhab lain, fokus perbincangannya hanya menjelaskan hukum-hukum fiqh tanpa menyebut semua dalil yang digunakan sebagai hujahnya. Namun pada masa kini, para penuntut ilmu yang komited, amat suka jika sesuatu hukum yang disampaikan itu berserta dengan dalil-dalil yang jelas.<sup>17</sup>

Perkara ini mendorong Mustafa Dib al-Bugha untuk mendatangkan pelbagai dalil sebagai hujah bagi setiap kenyataan hukum yang disampaikan oleh Qadhi Abu Syuja' dalam kitabnya yang terkenal itu. Usaha tersebut penting bagi membuktikan kepada para pelajar bahawa hukum-hukum fiqh dalam kitab-kitab mazhab Syafi'e khususnya berpandukan dalil daripada al-Quran, sunnah, amalan (*aathar*) sabahat, ijmak di samping penghujahan qiyas. Dengan demikian, keyakinan mereka terhadap syariah dan hukum syarak akan menjadi lebih kukuh dan penghayatan ibadat mereka juga akan lebih mantap.

Dalam mengemukakan pelbagai dalil bagi setiap hukum fiqh dalam *Matan al-Ghāyah wa al-Taqrīb*, Dr. Mustafa telah menggunakan beberapa metod istidlal seperti yang berikut:

- i. Mengemukakan semua dalil yang disebut dalam kitab-kitab fiqh Syafi'iyah yang muktabar khususnya kitab-kitab induk kepada kitab-kitab *mukhtaṣarāt*, melainkan jika terdapat dalil atau hujah yang lebih kuat, beliau akan mengutamakan dalil tersebut<sup>18</sup>.
- ii. Setiap dalil terutama hadis, akan dirujuk kepada sumber-sumber berautoriti dan autentik<sup>19</sup>. Antara kitab rujukan hadis yang digunakan dalam kitab *Al-Tadhhīb* ialah seperti berikut:
  - a. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ)* cetakan Dar al-Imam al-Bukhari yang disusun oleh Dr. Mustafa sendiri dan akan diterbitkan nanti. Nombor rujukan hadis al-

---

<sup>17</sup> Muṣṭafā Dīb al-Bughā, *al-Tadhhīb fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb*, ed. ke-1 (Singapura & Jeddah: al-Ḥaramayn li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', 1978), 3.

<sup>18</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>19</sup> *Ibid.*

- Bukhari yang dinyatakan dalam *Al-Tadhhīb* adalah merujuk kepada rekod dalam buku ini.
- b. *Ṣaḥīḥ Muslim (al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ)* cetakan Dar Ihyā' al-Turath al-'Arabī. Kitab ini disalin daripada cetakan syarikat Isa al-Bābiy al-Ḥalabīy yang ditahqiq oleh Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Nombor rujukan hadis Muslim yang dinyatakan dalam *Al-Tadhhīb* adalah merujuk kepada rekod dalam buku ini.
  - c. *Al-Jāmi' al-Ṣaghīr li al-Suyūfī* (tanpa dinyatakan syarikat penerbitannya)
  - d. *Sunan Ibn Mājah*, cetakan Isa al-Bābiy al-Ḥalabīy pada tahun 1952 Masehi yang ditahqiq oleh Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Nombor rujukan hadis Ibn Majah yang dinyatakan dalam *Al-Tadhhīb* adalah merujuk kepada rekod dalam buku ini.
  - e. *Sunan Abī Dāwud* cetakan al-Ustaz Izzat Abid al-Da'as dan diberikan komentar oleh beliau sendiri. Nombor rujukan hadis Abū Dāwud yang dinyatakan dalam *Al-Tadhhīb* adalah merujuk kepada rekod dalam buku ini.
  - f. *Sunan al-Tirmidhī* cetakan al-Ustaz Izzat Abid al-Da'as pada tahun 1965 Masehi dan diberikan komentar oleh beliau sendiri. Nombor rujukan hadis al-Tirmizi yang dinyatakan dalam *Al-Tadhhīb* adalah merujuk kepada rekod dalam buku ini.
  - g. *Sunan al-Nasā'ī* cetakan Dar Ihyā' al-Turath al-'Arabīy.
  - h. *Sunan al-Dāraqūṭnī* cetakan al-Sayyid Abd Allah Hashim Yamani al-Madani pada tahun 1966 Masehi.
  - i. *Al-Sunan al-Kubrā li al-Bayhaqī* cetakan al-Maṭba'ah al-Uthmaniyyah di India pada tahun 1353 Hijrah).
  - j. *Al-Musnad li al-Imām Ahmad* cetakan al-Maktab al-Islami dan Dar Sadir.
  - k. *Al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn li al-Ḥakim* cetakan al-Ṭab'ah al-Hindiyyah yang diedarkan aoleh Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah di Halab (Aleppo) Syria.
  - l. *Mawāriḍ al-Zam'ān ilā Zawā'id Ibn Hibbān li al-Hāfiẓ al-Haythamī*. (Tidak dinyatakan tarikh dan tempat percetakan).

- m. *Al-Muwatta' li al-Imām Mālik* cetakan Isa al-Babīy al-Halabīy yang diberikan komentar (ta'liq) oleh Muhammad Fuad Abd al-Baqi.
- n. *Nayl al-Awṭār li al-Syawkānī* cetakan Mustafa al-Babīy al-Halabī pada tahun 1961 Masehi.
- iii. Setiap hadis yang dikemukakan sebagai dalil, akan dinyatakan takhrijnya berserta nombor rujukan hadis, muka surat dan juzuk (jilid) rujukan kitab (di atas) yang menyebut sumber berkenaan<sup>20</sup>.
- iv. Setiap ayat al-Quran pula akan dinyatakan nombor ayat dan surahnya. Terdapat beberapa kalimat ayat tertentu yang akan dijelaskan lebih lanjut agar dapat difahami dengan betul dalam konteks pengujahannya<sup>21</sup>.
- v. Beberapa penjelasan turut dibuat bagi menerangkan sesetengah kalimat dalam matan tersebut dengan mendatangkan definisi-definisi ulama untuk memberikan penerangan lebih jelas<sup>22</sup>.
- vi. Jika terdapat fatwa lemah (*da'if*) dalam matan, akan diterangkan fatwa yang lebih sahih dan kuat berpandukan kitab-kitab yang lebih muktamad yang mana sebahagian rujukan itu akan turut dinyatakan sumbernya<sup>23</sup>. Antara kitab-kitab fiqh Syafi'iyah yang dirujuk ialah seperti yang berikut :
  - a. *Al-Umm li al-Imām al-Syafi'i* (Tidak dinyatakan tahun dan tempat penerbitan)
  - b. *Al-Majmū' li al-Imam al-Nawawi wa Takmilātuahu* yang diedarkan oleh Zakariyyah Ali Yusuf (Tidak dinyatakan tahun dan tempat penerbitan)
  - c. *Mughnī al-Muhtāj li al-Khaṭīb al-Syirbinī* cetakan Mustafa al-Babiy al-Halabiy pada tahun 1933 Masehi.
  - d. *Al-Iqnā' fī Hall al-alfāz Abī Syujā' li al-Khaṭīb al-Syirbinī* cetakan al-Maṭba'ah al-'Amīrah al-Syarqīyyah di Kaherah pada tahun 1317 Hijrah.

---

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ibid*, 5.

- e. *Kifāyat al-Akhyār fī Ḥalli Ghāyat al-Ikhtisār li Taqiy al-Dīn al-Husaynī al-Hisnī* cetakan Isa al-Babīy al-Halabīy (Tidak dinyatakan tahun percetakan).
  - f. *Al-Nihāyah li al-`Allāmah Abī al-Faḍl Walīy al-Dīn al-Baṣīr* cetakan al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra di Kaherah yang ditahqiq oleh sekumpulan pensyarah al-Azhar dan disemak oleh Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid (Tidak dinyatakan tahun percetakan).
- vii. Mengemukakan beberapa hukum dan faedah fiqh lain sebagai nilai tambah (*added value*) kepada pemanfaatan buku ini oleh para pembaca.
- viii. Penulisan buku *al-Tadhhīb* ini cuba mengekalkan format asal penulisan fiqh silam iaitu teks asal atau matan diletakkan pada bahagian atas manakala pendalilan, syarahan dan semua komentar diletakkan pada bahagian bawah dengan urutan nombor notakaki (*footnote*) pada setiap muka halamannya.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian yang dilakukan setiap catatan pendalilan yang dilakukan oleh Dr. Mustafa Dib Bugha pada bab ibadat yang dinyatakan dalam kitab *al-Tadhhīb*, penulis mendapati setiap kenyataan hukum fiqh yang disebut dalam *Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb* pada dasarnya mempunyai dalil yang kuat berbentuk *naqlī* (al-Quran dan sunnah) mahupun *`aqlī* (ijmak dan qiyas). Pendalilan tersebut adalah berdasarkan metodologi istinbat hukum menurut mazhab Syafie.<sup>24</sup> Tidak dinafikan bahawa sebahagian dalil dan hujah yang sama turut digunakan dalam mazhab fiqh yang lain tetapi hukum dan fatwanya berbeza disebabkan metodologi istinbat yang digunakan berbeza. Seperti dipersetujui para fuqaha, perbezaan metodologi ijtihad berkaitan syarat penerimaan hadis, petunjuk bahasa (*dalālah al-alfāz*), penggunaan beberapa kaedah hukum seperti qiyas, masalah mursalah, istihsan dan sebagainya merupakan faktor perbezaan hukum dalam kalangan fuqaha.<sup>25</sup>

---

<sup>24</sup> Ahmad al-Hajji al-Kurdi et al., *al-Madhahīb al-Arba'ah A'immatuhā-Aṭwāruhā-Uṣūluhā-Athāruhā*, ed. ke-1. (Kuwait: Idārat al-‘Iftā’, 2015), 139-147.

<sup>25</sup> `Umar Sulayman al-‘Asyqar et al., *masā'il fī al-Fiqh al-Muqāran*. (Amman: Dār al-Nafā'is, 1996), 20-40; Muhammad Salām Madkūr, *manāhij al-Ijtihād fī al-Islām fī al-*

## Pendalilan Bagi Semua Komponen Ibadat

Kajian ini mendapati taburan dalil (seperti dalam Rajah 1) yang dikehendaki dalam bab ibadat kebanyakannya berteraskan kepada sumber hadis iaitu sebanyak lima ratus dua belas (512) buah hadis bersamaan 88.17% daripada keseluruhan jenis sumber hukum, telah digunakan sama ada secara tunggal ataupun berulang-ulang disebabkan kaitannya dengan pelbagai subbab. Seterusnya disusuli 11.83% lagi dalil-dalil daripada sumber al-Quran, ijmak dan juga qiyas.

Jadual 1: Analisis Keseluruhan Pendalilan bagi Semua Bab Ibadat

Sumber / Dalil / Hujah	Taharah	Solat	Zakat	Puasa	Haji	Total/Bab	Peratusan	
<b>Al-Quran</b>	13	20	5	5	9	52	8.98	
<b>Ijmak</b>	2	3	0	0	1	6	1.03	
<b>Qiyas</b>	5	3	0	0	1	9	1.55	
<b>Hadis</b>	Bukhari	42	77	9	13	24	165	28.4
	Muslim	45	87	8	11	18	169	29.1
	Tirmizi	13	20	3	5	4	45	7.77
	Abu Daud	19	31	8	7	4	69	11.91
	Ibn Majah	4	6	0	1	0	11	1.89
	Nasai'i	7	4	0	0	0	11	1.89
	Muwatta'	3	2	0	0	3	8	1.38
	Ahmad	2	2	0	1	0	5	0.86
	Hakim	2	3	0	0	1	6	1.03
	Daraqutni	2	0	0	1	3	6	1.03
	Bayhaqi	1	7	1	1	1	11	1.89
	Ibn Hibban		3				3	0.51
	Al-Syafie		3				3	0.51
<b>Jumlah</b>	<b>160</b>	<b>271</b>	<b>34</b>	<b>45</b>	<b>69</b>	<b>579</b>	<b>100%</b>	

## Purata Penggunaan Dalil Daripada Pelbagai Sumber

Jika dilihat pada purata penggunaan setiap jenis sumber dalil bagi semua komponen ibadat dalam kitab *Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb*, maka didapati bahawa sebanyak 52 nas al-Quran (8.98%) diikuti 6 dalil yang disandarkan kepada ijmak ulama (1.03%) dan 9 bersumberkan qiyas (1.55%). Terdapat dua tempat dalil yang digunakan berdasarkan

---

*Ahkām al-Fiqhiyyah wa al-Aqā'idhiyyah*. (T.tp: Jami'ah al-Kuwayt, 1973), 76-80; Abd al-Wahhāb Khallāf, *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, ed. ke-8. (Kaherah: Maktabah al-Da'wah al-Islāmiyyah, t.t), 216-217.

kaedah *istishab*<sup>26</sup> dalam bab taharah, namun penyelidik mendapati ia didatangkan oleh Dr. Mustafa Bugha sebagai hujah sokongan bersama dalil al-Quran atau sunnah yang lebih berautoriti. Justeru itu, penyelidik tidak memasukkannya dalam kategori tersendiri disebabkan sudah memadai dengan kedua-dua dalil naqli tersebut.

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, sumber daripada hadis dan athar merupakan dalil terbanyak yang dihujahkan dalam matan Qadhi Abu Syuja'. Berdasarkan Rajah 1 di atas, purata dalil hadis menunjukkan data kesahihan sumbernya berada dalam kitab-kitab hadis sahih dan muktabar. Senarai dalil hadis yang terdapat dalam kitab Sahih al-Bukhari berjumlah 165 buah (28.4%) dan kitab Sahih Muslim sebanyak 169 buah (29.1%) yang menduduki senarai rujukan tertinggi dengan kedua-dua kitab tersebut sahaja telah mewakili peratusan sebanyak 57.5%.

Seterusnya terdapat 45 buah hadis (7.77%) bersumberkan kitab Sunan al-Tirmidhī, 69 buah hadis (11.01%) dalam Sunan Abī Dāwud, 11 buah hadis (1.89) dalam Sunan Ibn Mājah dan juga 11 buah hadis (1.89) dalam Sunan al-Nasā'ī. Selain kitab sunan sittah di atas, terdapat hadis yang dihujahkan berada dalam kitab al-Muwatta' Imām Mālik sebanyak 8 buah hadis (1.38%), Musnad Imām Ahmad sebanyak 5 buah hadis (0.86%), al-Mustadrak Li al-Hākim sebanyak 6 buah hadis (1.03%), Sunan al-Dāraqūṭnī sebanyak 6 buah hadis (1.03%), Sunan al-Bayhaqī sebanyak 11 buah hadis (1.89%) dan diikuti masing-masing sebanyak 3 buah hadis (0.51%) dalam Saḥīḥ Ibn Hibbān dan Musnad Imām al-Syāfi'ī sendiri.

### **Keselarian Dengan Metodologi Ijtihad Mazhab Syafie**

Taburan peratusan kategori dalil yang dikemukakan di atas menunjukkan keselariannya dengan kaedah istinbat hukum yang digunakan oleh Imam al-Syafie dan para mujtahid (*Aṣḥābul Wujūh*) dalam kalangan Syafi'iyah sebagai sebuah mazhab fiqh yang mengutamakan hadis dan dalil-dalil naqli berbanding qiyas dan

---

<sup>26</sup> *Istishab* bermaksud mengekal hukum sesuatu kes mengikut keadaan terdahulu jika tidak ada sebarang dalil yang menghukumkan sebaliknya. Lihat `Alī Jum'ah, 33-34.



sumber-sumber aqli yang lain<sup>27</sup>. Merujuk kepada metod ijtihadnya, Imam al-Syafi'i sendiri telah menggagaskan dalam kitab *al-Umm* dan *al-Risālah* bahawa kehujahan paling berautoriti adalah nas al-Quran, sunnah, athar sahabat dan juga ijmak serta disusuli kaedah qiyas yang mengaplikasikan illah daripada sumber-sumber naqli.<sup>28</sup> Dari segi ketampakan penggunaan kategori dalil pula, jelas menunjukkan mazhab Syafie merupakan sebuah mazhab pertengahan antara aliran *al-hadīth* dan aliran *al-ra'y*<sup>29</sup> dengan mengutamakan dalil naqli berbanding dalil-dalil aqli lain seperti qiyas, masalah mursalah dan istihsan yang menjadi metod ijtihad popular dalam mazhab fiqh lain seperti mazhab Hanafi dan Maliki.<sup>30</sup>

## RUMUSAN DAN PENUTUP

*Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb* adalah sebuah kitab ringkas (*mukhtaṣar*) yang merangkumi semua bab fiqh antaranya bab ibadat, muamalat dan sebagainya. Fokus perbincangan kitab ini hanya menjelaskan hukum-hukum fiqh tanpa menyebut semua dalil secara terperinci yang digunakan sebagai hujah. Perkara ini mendorong Dr. Mustafa al-Bugha untuk mensyarahkan dengan judul *al-Tadhhīb fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb*. Beliau telah mengemukakan pelbagai dalil sebagai hujah bagi setiap kenyataan hukum yang terdapat dalam kitab asal secara ringkas. Tujuan utamanya ialah membuktikan semua kenyataan hukum dan fatwa para fuqaha Syafi'iyah mempunyai hujah (dalil) yang sahih dan kukuh walaupun tidak dicatat dalam kebanyakan kitab fiqh mazhab tersebut. Dalil dan hujah yang telah dianalisis hanya memfokuskan kepada lima bab terawal iaitu *Kitāb al-Ṭahārah*, *Kitāb al-Ṣalāt*, *Kitāb al-Zakāt*, *Kitāb al-Ṣiyām* dan *Kitāb al-Ḥajj* yang lazimnya dikategorikan sebagai hukum-hakam berkaitan ibadat.

---

<sup>27</sup> `Alī Jum'ah, 33-36; Al-Kurdi, 139-147.

<sup>28</sup> Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi'ī, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1990), 2:31.

<sup>29</sup> *Ahl al-Hadīth* merujuk kepada aliran ulama di kawasan Hijaz yang mengutamakan hadis dalam fatwa manakala ahl al-ra'y aliran ulama yang mengamalkan kaedah qiyas dalam ijtihad mereka. Aliran al-Ra'y berpusat di Iraq. Kedua-dua aliran tersebut muncul pada zaman tabiin yang meninggalkan pengaruh kepada kemunculan mazhab-mazhab fiqh selepas itu. Lihat Mohd Fuad Md Sawari, *al-Madkhal ilā Dirāsāt al-Fiqh al-Islamiy*, ed. ke-2. (Gombak: IIUM Press, 2021), 131-132.

<sup>30</sup> Al-Kurdi, hlm. 147.

Seterusnya, hasil analisis menunjukkan dalil dan hujah yang terdapat dan digunakan dalam perbahasan kitab *al-Tadhhīb fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb* adalah terdiri daripada al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas.

## RUJUKAN

### Buku

- Abū Syujā`, Aḥmad bin al-Ḥusayn bin Abū Aḥmad al-Iṣfahānī. *Matan Abī Syujā`*. Mesir: Maktabah al-Jumhuriyah al-‘Arabiyyah, t.t.
- ‘Alī Jum’ah. *Al-Madkhal ilā Dirāsāt al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Ed. ke-4. Kaherah: Dar al-Salam, 2012.
- Al-Kurdi, Ahmad al-Hajji et al. *Al-Madhāhib al-Arba’ah A’immatuhā-Aṭwāruhā-Uṣūluhā-Athāruhā*. Ed. ke-1. Kuwait: Idarat al-Iftā’, 2015.
- Al-Qawāsīmī, Akram Yūsuf. *Al-Madkhal ilā Madhhab al-Imām al-Syāfi’ī*. Amman: Dar al-Nafa’is, 2013.
- Al-Syāfi’ī, Muḥammad bin Idrīs. *Al-Umm*. Jilid ke-2. Beirut: Dar al-Ma’rifah, 1990.
- Al-Zarqā, Muṣṭafā Aḥmad. *Al-Madkhal al-Fiqhiy al-‘Ām*. Ed. ke-4. Dimasyq: Dar al-Qalam, 2004.
- Bughā, Muṣṭafā Dīb. *Al-Tadhhīb fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb*. Singapura-Jeddah: al-Haramayn li al-Tiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi’, 1978.
- Khallāf, Abd al-Wahhāb. *Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Ed. ke-8. Kaherah: Maktabah al-Da’wah al-Islamiyyah, t.t.
- Madkūr, Muhammad Salām. *Manāhij al-Ijtihād fī al-Islām fī al-Ahkām al-Fiqhiyyah wa al-Aqā’idiyyah*. T.tp: Jami’ah al-Kuwayt, 1973.
- Mohd Fuad Md. Sawari. *Al-Madkhal ilā Dirāsāt al-Fiqh al-Islamiy*. Ed. ke-2. Gombak: IIUM Press, 2021.

### Laman Sesawang

“Muṣṭafā Dīb al-Bughā”, diakses pada 5 September 2021, [https://ar.wikipedia.org/wiki/%D9%85%D8%B5%D8%B7%D9%81%D9%89\\_%D8%AF%D9%8A%D8%A8\\_%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%BA%D8%A7](https://ar.wikipedia.org/wiki/%D9%85%D8%B5%D8%B7%D9%81%D9%89_%D8%AF%D9%8A%D8%A8_%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%BA%D8%A7).

“Muṣṭafā Dīb al-Bughā”, diakses pada 5 September 2021,  
<https://shamela.ws/index.php/author/2457>.

“Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb”, diakses pada 5 September 2021,  
[https://id.wikipedia.org/wiki/Matan\\_Abu\\_Syuja](https://id.wikipedia.org/wiki/Matan_Abu_Syuja).